

Pesaka Datuk Kelana: Soal dialog tidak perlu timbul

25/3/87

SEREMBAN, Selasa — Waris-Waris Negeri Ter-tua Waris Negeri di Darat daripada Perut Ulu dan Hilir hari ini menjelaskan tidak perlu diadakan dialog antara Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong dengan anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Tinggang, Dusun dan Nyonyol.

Mereka berpendapat soal mengadakan dialog tidak timbul sama sekali kerana anak-anak Waris daripada ketiga-tiga Perut itu adalah daripada kalangan anak-anak Waris Lingkungan.

Jurucakap mereka berkata aturan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong menggariskan bahawa anak-anak Waris Lingkungan tidak layak menyandang pesaka Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong).

"Sudah dicatatkan di dalam Terombo dan Salasilah Luak Sungai Ujong bahawa anak-anak Waris Lingkungan tidak berhak sama ada untuk menyandang pesaka Datuk Kelana atau mencampuri urusan pemilihan Undang.

"Oleh itu, soal mengadakan dialog di antara Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong dengan anak-anak Waris daripada Rumpun Tinggang, Dusun dan Nyonyol tidak timbul sama sekali," katanya dalam kenyataannya kepada Berita Harian di sini.

Jangan campur tangan

Menurutnya, aturan adat Luak Sungai Ujong menggariskan bahawa anak-anak Waris Negeri di Darat terbahagi kepada dua kumpulan iaitu Waris Datuk Andika Mendelika dan Waris Kelana Perut Ulu dan Hilir.

Beliau menjelaskan kedua-dua kumpulan anak Waris itu mempunyai keistimewaan tersendiri di segi aturan adat istiadat nikah-kahwin yang berbeza dengan adat-istiadat anak-anak Waris Lingkungan dan Persukuan.

"Anak-anak Waris Negeri di Darat menerima elaun bulanan yang berjumlah \$5,060 setahun dari Kerajaan Negeri Sembilan di samping menikmati pelbagai keistimewaan lain.

"Keistimewaan ini diberikan selaras dengan kedudukan mereka sebagai anak-anak Waris Negeri seperti yang telah dicatatkan di dalam Terombo dan Salasilah Luak Sungai Ujong," tambahnya.

Jurucakap itu berkata Terombo dan Salasilah Sungai Ujong juga menggariskan bahawa 'Adat Waris Negeri sampai kepada Balai yang panjang dan Istana yang tinggi manakala Adat Waris Lingkungan pula hanya habis di telatak Tua Waris sahaja sama Tua Waris Perut Ulu (Datuk Johan) atau Tua Waris Perut Hilir (Datuk Maharajalela).

Beliau menambah pihaknya juga berharap supaya anak-anak Waris Negeri di Air jangan campur tangan dalam soal tuntutan anak-anak Waris Lingkungan daripada ketiga-tiga Perut berkenaan untuk menyandang pesaka Datuk Kelana.

Menurutnya, aturan adat Luak Sungai Ujong menggariskan bahawa anak-anak Waris Negeri di Air tidak boleh campur tangan dalam urusan pencarian dan pemilihan Datuk Kelana.